



PERDANA LIBRARY  
 PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION  
 NEWSPAPER CLIPPING

|           |                 |
|-----------|-----------------|
| Newspaper | Utusan Malaysia |
| Date      | 18/7/2013       |

# 112,396 peneroka Felda terima duit raya UM 18/7/2013

TANJUNG MALIM 17 Julai - Datuk Seri Najib Tun Razak hari ini mengumumkan pemberian insentif hari raya berjumlah RM32.3 juta kepada semua 112,635 peneroka Felda di seluruh negara.

Perdana Menteri mengumumkan berita gembira itu dalam Program Ihya Rahmat Ramadan Warga Felda Kebangsaan 2013 di Felda Gunung Besout 2, Sungkai dekat sini.


Majlis itu turut dihadiri Menteri Besar Perak, Datuk Seri Dr. Zambry Abd. Kadir dan Pengerusi Felda, Tan Sri Mohd. Isa Abdul Samad.

Berucap dalam majlis itu, beliau berkata, setiap peneroka yang bersama dengan Felda akan menerima RM300 seorang manakala mereka yang tidak bersama Felda masing-masing menerima RM150.

"Duit raya ini kurang sedikit sebab harga sawit sudah turun. Saudara-saudari sekalian sudah dapat bonus, jadi RM300 itu kira munasabah dan mereka yang tidak bersama Felda kita beri juga tetapi separuh iaitu RM150," katanya.

Dalam majlis itu, beliau turut menyerahkan replika cek sumbangan hari raya tersebut kepada ketua-ketua peneroka dari sebanyak 11 wilayah Felda di seluruh negara.

Peneroka di Wilayah Felda Johor Bahru menerima bayaran duit raya sebanyak RM5.1 juta diikuti Wilayah Raja Alias (RM4.63 juta),



**NAJIB Tun Razak menyampaikan cek bayaran intensif Hari Raya Aidilfitri Peneroka Felda kepada wakil peneroka Felda sambil diperhatikan Zambry Abd. Kadir (kiri) dan Mohd. Isa Abdul Samad (tiga dari kiri) dalam Program Ihya Rahmat Ramadan Warga Felda Kebangsaan 2013 di Trolak, semalam. - UTUSAN/ROY AZIS ABD AZIZ**

Wilayah Kuantan (RM4.39 juta), Wilayah Jengka (RM4.2 juta).

Wilayah Mempaga pula menerima sebanyak RM3.79 juta, Wilayah Segamat (RM3.2 juta), Wilayah Trolak (RM2.27 juta), Wilayah Terengganu (RM2.1 juta), Wilayah

Alor Setar (RM1.17 juta), Wilayah Gua Musang (RM908,400) dan Wilayah Sahabat (RM494,100).

Pembayaran duit raya kepada peneroka dilaksana Felda setiap tahun sejak 2003.

Dalam majlis sama, Najib turut me-

ngumumkan pembinaan sebanyak 420 unit Perumahan Generasi Baharu Felda di kawasan seluas 19.3 hektar di sini, dan sebuah dewan serba guna jenis A berharga RM900,000 di Felda Gunung Besout 2.

Menurut Najib, peneroka Felda

kini tidak hanya bergantung pendapatan kepada hasil jualan kelapa sawit tetapi memperoleh pendapatan lain seperti bonus tahunan, duit raya, durian runtuh dan dividen saham Felda Global Ventures Bhd. (FGV) daripada Felda.

Terdahulu, Najib mencabar pembangkang mengemukakan bukti yang menunjukkan Felda bankrap seperti didakwa dua tahun lalu.

Beliau menegaskan, kedudukan kewangan Kumpulan Felda hari ini begitu kukuh dan mantap tidak seperti yang didakwa dan difitnah pembangkang.

"Tidak apa, biarlah saya maklumkan, nilai saham terkumpul Kumpulan Felda sahaja kalau kita jual hari ini, kita boleh peroleh RM8 bilion. Bagaimana boleh kata Kumpulan Felda bankrap?"

"Kita ada kilang di Kanada, hotel dan restoran di Mekah, hotel di Kota Kinabalu, tanah di Kalimantan dan banyak lagi. Bayangkan, Felda hari ini muncul sebagai kumpulan yang mengendalikan perusahaan komoditi antara yang terbesar di dunia," ujarnya.

Menurut beliau, Felda telah banyak berjasa dalam mengubah kehidupan peneroka dan keluarga mereka sejak tanah rancangan pertama dibuka pada 1959 sedangkan pembangkang hanya sibuk memburuk-burukkan dan memfitnah agensi itu.